

MAHA 2016 dijangka raih RM200 juta

» Pameran
11 hari di MAEPS
membabitkan
1,500 gerai

Oleh Fahmy Azril Rosli
dan Siti Syahirah Suhaimi
bhnews@bharian.com.my

► Serdang

Penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2016, dijangka menjana pulangan jualan RM200 juta hasil daripada aktiviti dagangan dan pemedanan perniagaan.

Pameran pertanian terbesar negara itu akan berlangsung selama 11 hari mulai 24 November hingga 4 Disember ini di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata penganjuran pada kali ini lebih meriah berikutan pembabitan 1,500 gerai pameran yang akan disertai agensi kerajaan, syarikat swasta dari dalam dan luar negara.

3.5 juta pengunjung

Sehubungan itu, katanya, ekspo berkenaan diharapkan dapat menarik lebih 3.5 juta pengunjung dan 30 peratus daripadanya generasi muda.

“Generasi muda dialu-alukan

untuk datang dan terbahit dalam setiap aktiviti yang dianjurkan sempena MAHA 2016 selaras matlamat Kementerian meningkatkan perintis dalam sektor pertanian.

“Bertemakan #OurFoodOurFuture, ekspo ini menampilkan pelbagai saluran untuk perdagangan, pelaburan, kolaborasi serta pemindahan teknologi. Ini platform ideal bagi mengenali lebih banyak maklumat dan perkhidmatan baharu dalam sektor pertanian,” katanya dalam ucapan perasmian MAHA 2016 di MAEPS, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Datuk Seri Dr Ismail Bakar.

Pada majlis itu, Ahmad Shabery turut mengumumkan pelantikan Upin & Ipin sebagai mascot rasmi MAHA 2016.

Mengenai MAHA 2016, Ahmad Shabery berkata, ekspo ini mengamalkan pendekatan serampang lima mata merangkumi keselamatan dan kedaulatan makanan, rekreasi, pemerikayaan pengetahuan, pelancongan serta kesejahteraan.

Katanya, MAHA 2016 adalah acara unggul untuk mengembangkan perniagaan secara strategik.

Antara tarikan terbaharu MAHA 2016, Kampung Durian Runtuh Upin & Ipin, Kampung Mak Cun, Festival Muzik Ritma Petani dan Tapak Perkhemahan untuk 5,000 remaja.

“
Ekspo ini
mengamalkan
pendekatan serampang
lima mata merangkumi
keselamatan dan
kedaulatan
makanan, rekreasi,
pemerikayaan
pengetahuan,
pelancongan serta
kesejahteraan”

Ahmad Shabery Cheek,
Menteri Pertanian
dan Industri Asas Tani